

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. PROFESOR DATUK DR. HAJAH**  
**ROZIAH MOHD JANOR**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PEMENANG**  
**PERTANDINGAN 2023 VIRTUAL 3 MINUTE THESIS**  
**NATIONAL LEVEL**

**6 SEPTEMBER 2023**  
**6 PETANG – 7 MALAM**

**Anjuran: Pejabat Timbalan Naib Canselor**  
**(Penyelidikan & Inovasi)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.**

- **Yang Berusaha**  
**Prof. Ir. Dr. Zuhaina Zakaria**  
Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) UiTM
- **Pemenang-pemenang yang diraikan**
- **Tetamu Kehormat yang hadir pada pertandingan 3MT peringkat kebangsaan pada tahun ini**
- **Para penyelia yang turut berada bersama kita pada hari ini dan hadirin hadirat sekalian.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta-Ala kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya dapat kita bersua pada hari ini di Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pemenang Pertandingan “Three-Minute Thesis” (3MT) peringkat kebangsaan bagi tahun 2023.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan

Malaysia kerana berganding bahu dengan UiTM menganjurkan acara yang sungguh bermakna ini. Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran semua tetamu yang diraikan.

**Hadirin sekalian,**

3. Pertandingan ini telah disiarkan secara langsung melalui UiTM Youtube Channel dengan lebih 3 ribu tontonan pada 5 Julai 2023 yang lalu. Tahniah kepada semua yang terlibat dan telah bertungkus-lumus untuk memastikan acara tersebut berlangsung dengan jayanya.

4. Pertandingan 3 Minute Thesis yang dijalankan di lebih 20 buah negara seluruh dunia ini dilihat sebagai platform yang boleh membantu pelajar memperbaiki kemahiran berkomunikasi di dalam penyampaian berbentuk akademik dan profesional. Hanya dalam 3 minit dan menggunakan hanya satu poster, peserta diuji untuk meyakinkan dan memahamkan penonton berkenaan dengan kepentingan penyelidikan yang sedang mereka jalankan.

5. Saya percaya, menerusi pertandingan seperti ini, semua pelajar mampu untuk menokok satu lagi nilai tambah ke dalam senarai pencapaian mereka. Melalui pertandingan ini juga, universiti-universiti yang mengambil bahagian dapat melonjakkan potensi mereka sebagai hub untuk mempertingkatkan mutu pendidikan dan meningkatkan peluang pekerjaan. Bagi kita di UiTM, program ini sejajar dengan fokus universiti untuk menjadi “Globally Marketable” dan dikenali dunia menjelang 2025.

6. Hari ini, kita meraikan pemenang-pemenang yang telah dipilih oleh barisan juri yang merupakan pakar dalam bidang-bidang yang dipertandingkan. Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang bagi setiap kategori dan juga pemenang anugerah khas pilihan penonton.

7. Kepada Wan Nor Farah Wan Shamsuddin dari Universiti Malaysia Pahang dan Siti Fadilla Md Noor dari Universiti Teknologi Malaysia, tahniah diucapkan atas

kejayaan mewakili Malaysia pada pertandingan Virtual 3MT Asia Pacific pada bulan Oktober 2023 akan datang.

**Hadirin sekalian,**

8. Saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua juri yang telah menjalankan tugas dengan baik dan juga kepada semua sekretariat dari UiTM dan UKM yang bertungkus lumus merancang dan melaksanakan tugas mereka untuk memastikan pertandingan ini berlangsung dengan jayanya.

9. Teruslah merangkul kekuatan yang mampu merubah kebiasaan, memelihara kelestarian, dan menguatkan perpaduan dalam usaha kita mencapai kecemerlangan pada masa akan datang. Bersama-sama kita mendorong ke arah perubahan positif, membentuk masa depan dan meninggalkan impak yang berkekalan terhadap masyarakat.

**Terima Kasih.**

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**